


Dunia Pengetahuan



Kisah Bintang Marikh

Baharu-baharu ini, seorang wartawan Mesir telah menulis di dalam majalahnya mengenai bintang-bintang yang beredar di angkasa lepas.

Pada suatu hari – kata beliau memulakan tulisannya – saya telah menghadiri satu jamuan makan di Hotel Semiramis (di bandar Kaherah). Selepas makan, duduklah saya (bersama-sama rakan-rakan yang lain) mendengar sepelik-pelik kisah tentang alam kita ini dan umur bintang-bintang yang beredar di angkasa lepas. Kisah ini diceritakan oleh Dr. Jamāl al-Dīn al-Fandī, mahaguru ilmu kejadian tabii di Universiti Kaherah. Walau bagaimana pun saya tidak percaya kepada apa yang dikatakannya itu, kerana angka-angka yang disebutkan dalam kisahnya itu besar sangat, tidak masuk pada akal dengan mudah.

Umur matahari

Tuan Doktor itu berkata bahawa umur matahari ialah lima ribu juta tahun, dan dia (matahari) akan berkekalan hidup selama lima puluh ribu juta tahun. Umur bumi kita puluh ialah tiga ribu juta tahun, dan jaraknya bintang Marikh daripada bumi kita ialah sejauh lima puluh enam ribu juta batu, dan bahawa jarak jauh yang tersebut ialah jarak yang dekat sekali di antara sebarang bintang dengan bumi kita ini.

Penduduk bintang Marikh

Tuan doktor itu telah mengemukakan satu teori yang saya percaya akan menarik ahli-ahli falak Mesir pada mengulasnya. Teorinya itu menaruh sangkaan yang kuat yang hampir-hampir mencapai darjat yakin tentang wujud makhluk-makhluk yang hidup di bintang Marikh. Makhluk-makhluk atau penduduk bintang Marikh – katanya – lebih maju dan bertamadun daripada penduduk dunia kita ini, kerana bintang Marikh itu telah “sejuk” lebih dahulu daripada bumi kita dan kerana itu wujudlah di sana tamadun dan kemajuan penduduknya sebelum daripada tamadun yang berlaku di bumi. Penduduk Marikh – katanya lagi – kalaulah mereka berpeluang turun ke bumi, nescaya mereka akan berasa geli geman! kerana dipandangnya kita seolah-olah sedang hidup di hutan rimba dan mundur semundur-mundurinya.

Tak dapat menelan isi kisahnya

Dengan secara berjenaka wartawan Mesir itu menutup tulisannya dengan berkata:

Yang pentingnya saya telah menghadam makanan yang telah dihidangkan dalam majlis jamuan itu, tetapi saya tidak dapat menelan isi kisah Tuan Doktor kita itu.

(Wartawan Mesir yang tersebut ialah Tuan Lutfi Ridwan, dan majalahnya ialah “*al-Muṣawwar*” – P. Q.)

¹ jjiik